

**PARLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIISNIN: 6 DISEMBER 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TID AK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 3, 6, 8,12 HINGGA 40)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 4, 5, 7, 9 HINGGA 11

[RU JUK PENYATA RASMIIA RIAN (HANSARD)]

menbantu peniaga menjalankan perniagaan dengan lebih cekap, di samping dapat meningkatkan daya saing syarikat berkenaan. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), seramai 109 orang usahawan/syarikat telah mendapatkan kemudahan di bawah skim ini dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2,653,000;

Kedua : MARA juga memberikan bimbingan kepada usahawan untuk mendapatkan pemiawaian tertentu seperti *International Organization for Standardization (ISO)*, *Good Manufacturing Practice (GMP)* dan *Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP)*. Kaedah ini akan dapat membantu usahawan Bumiputera memperluaskan segala produk serta perkhidmatan ke pasaran yang lebih besar dan diiktiraf oleh badan pensijilan sama ada di dalam atau luar negara. Ini secara tidak langsung dapat memberi keyakinan kepada pengguna terhadap kualiti produk atau perkhidmatan yang disediakan. Di dalam RMKe-9, seramai 78 orang usahawan/syarikat telah mendapat kemudahan program tersebut dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM1,292,410;

Ketiga : Melalui khidmat nasihat pengurusan dan kewangan yang diberikan oleh MARA, operasi dan dokumentasi perniagaan yang dijalankan akan lebih sistematik. Kaedah ini akan dapat memberi pendedahan kepada usahawan di dalam proses penyediaan '*Business Plan*' dengan kemahiran mentafsir dokumen kewangan bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada mana-mana agensi serta institusi kewangan. Di dalam RMKe-9, seramai 18 usahawan/syarikat telah mendapat kemudahan di bawah program tersebut dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM491,200; dan

Keempat: Kementerian juga melaksanakan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) diuruskan melalui penglibatan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan SME Bank. Kaedah ini akan dapat membantu di dalam memproses dan mengurus pinjaman usahawan melalui institusi kewangan dengan lebih efektif dan profesional berasaskan kepada keupayaan sebenar usahawan Bumiputera. Skim ini juga dipanjangkan kepada usahawan-usahawan Bumiputera MARA yang memenuhi kriteria seperti ditetapkan. Di dalam RMKe-9, seramai 1,565 usahawan/syarikat telah mendapat kemudahan di bawah program tersebut dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM37,765,000.

(

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Mohsin Fadzli Haji Samsuri [Bagan Serai] TARIKH :

6 Disember 2010

SOALAN &

PR-1233-L40872

Tuan Mohsin Fadzli Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:

- (a) apakah fungsi dan peranan Lembaga Kenaf dan Tembakau; dan**
- (b) sejauh manakah kejayaan Kerajaan dalam mengalih penanaman tembakau di Kelantan dan Terengganu.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua

Fungsi-fungsi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) 2009 atau [Akta 692] yang berkuatkuasa mulai 1 April 2010. Fungsi utama LKTN adalah, termasuk untuk:

- (a) melaksanakan dasar dan program pembangunan industri kenaf dan mengawalselia industri tembakau;**
- (b) merancang, mengendali, menggalak, menyelaras, melaksana dan memantau semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berhubungan dengan penanaman,**

pengeluaran, penuaian, pengekstrakan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, penggunaan dan pemasaran kenaf serta keluaran kenaf; dan

- (c) merancang, mengendalikan, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berhubungan dengan penanaman, pengeluaran, penuaian, pengekstrakan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, penggunaan dan pemasaran tembakau dan keluaran tembakau.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 1998 hingga 2010, Kerajaan telah melaksanakan Rancangan Penstrukturan Semula Industri Tembakau (RPSIT), termasuk membantu penanam beralih daripada tanaman tembakau. Di bawah program ini, penanam yang berminat untuk mengusahakan projek integrasi tanaman dan ternakan diberikan bantuan modal, khidmat nasihat dan latihan.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-8 (2004-2005), Kerajaan melalui LKTN telah memperuntukkan sejumlah RM3 juta bagi membiayai Projek Integrasi Tanaman dan Ternakan melibatkan 1,923 orang penanam. Daripada jumlah tersebut, bilangan penanam yang menyertai projek bagi negeri Kelantan dan Terengganu adalah seperti berikut:

- (i) Kelantan (1,530 penanam); dan
- (ii) Terengganu (120 penanam).

Manakala di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010), sejumlah RM22 juta telah diperuntukkan untuk meneruskan pembiayaan Projek Integrasi Tanaman dan Ternakan. Sehingga 30 September 2010, sebanyak RM20 juta telah dibelanjakan melibatkan 5,184 penanam di seluruh negara. Bilangan penanam bagi negeri Kelantan dan Terengganu yang menyertai

projek adalah seperti berikut:

- (i) Kelantan (2,684 penanam); dan
- (ii) Terengganu (1,348 penanam).

Mulai tahun 2009, LKTN juga melaksanakan projek integrasi tanaman secara sistem fertigasi bertujuan untuk menggalakkan bekas penanam tembakau mengusahakan tanaman bernilai tinggi seperti cili, *rock melon* dan tomato ceri. LKTN membantu dalam menyediakan kemudahan sistem fertigasi bersama Struktur Perlindungan Hujan (SPH) untuk dipinjamguna kepada para peserta. Sehingga 31 Ogos 2010, terdapat 607 orang peserta telah menyertai projek tersebut.

Di samping itu, LKTN juga menggalakkan penanam tembakau untuk beralih bagi membangunkan tanaman kenaf, termasuk di Kelantan dan Terengganu. Sehingga 15 September 2010, jumlah keluasan penanaman kenaf yang telah dibangunkan oleh LKTN adalah seluas 1,692 hektar melibatkan 430 penanam. Daripada jumlah tersebut, seluas 494 hektar kenaf ditanam di Kelantan yang melibatkan seramai 50 penanam. Kawasan yang telah dibangunkan dengan tanaman kenaf di Kelantan adalah:

- (i) Bachok (40 hektar dengan 4 penanam);
- (ii) Pasir Puteh (84 hektar dengan 9 penanam); dan
- (iii) Pasir Mas (370 hektar dengan 37 penanam).

Bagi negeri Terengganu, seluas 615 hektar kenaf telah ditanam oleh 135 penanam di kawasan-kawasan:

- (i) Besut (226 hektar dengan 38 penanam);
- (ii) Setiu (216 hektar dengan 42 penanam); dan
- (iii) Marang (173 hektar dengan 55 penanam).

NO. SOALAN:

PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN RAKYAT

SOALAN 45

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARI PAD A : YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

[SEREMBAN]

TARIKH

: 6 DISEMBER 2010

SOALAN

: Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menjamin kesemua warganegara kita yang ditahan di luar negara mendapat perbicaraan yang adil dan kebajikan mereka semasa tahanan dijaga dan sempurna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Seremban di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kementerian Luar Negeri sentiasa memantau dan memberi bantuan konsular bagi kes-kes penahanan rakyat Malaysia di luar negara melalui Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara.

3. Antara bantuan-bantuan konsular yang diberikan oleh Perwakilan Malaysia ialah membuat lawatan konsular ke atas tahanan-tahanan warganegara Malaysia di luar negara untuk memastikan mereka dilayan dengan sewajarnya serta kebajikan mereka dijaga dan terjamin.

4. Kementerian ini melalui Perwakilan Malaysia juga membantu dalam urusan mendapatkan peguam untuk memastikan setiap tahanan rakyat Malaysia berkenaan mendapat perbicaraan yang adil dan saksama dari segi undang-undang tempatan dan antarabangsa serta juga menghadiri *watching-brief* perbicaraan tahanan-tahanan rakyat Malaysia di luar negara.

5. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian adalah mengikut undang-undang negara tuan rumah dan juga peruntukan di bawah Konvensyen Vienna bagi Hubungan Konsular 1963.

Sekian, terima kasih.

No: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARI PAD A	TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]
TARIKH	6 DISEMBER 2010 (ISNIN)
SOALAN	12

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta Menteri Pengangkutan menyatakan keseluruhan kos projek Tren Keretapi (ETS) antara Kuala Lumpur dan Ipoh, bilangan penumpang sejak ia bermula dan mengapa tiada harga diskaun diberi kepada para pelajar yang menggunakan perkhidmatan Tren Pelbagai Guna (EMU).

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kos membeli 5 Elektrik Train Set (ETS) (6 koc setiap set) adalah sebanyak RM 240 juta. Koc-koc tersebut diperlukan untuk memberi perkhidmatan Ipoh - Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur - Seremban. Jumlah penumpang bagi laluan Ipoh - Kuala Lumpur ialah 97, 244 bagi tempoh 12 Ogos sehingga bulan Oktober 2010. Manakala bagi laluan Kuala Lumpur - Seremban, jumlah penumpang ialah 6,829 bagi tempoh yang sama. Manakala jumlah penumpang yang menaiki ETS sejak dilancarkan pada 12 Ogos sehingga 11 November 2010 adalah sebanyak 120,648 penumpang.

Keretapi Tanah Melayu Berhad telah menawarkan kadar diskaun kepada penumpang perkhidmatan *Electric Multiple Unit* (EMU) yang membeli pas bulanan seperti berikut:

- i. Diskaun 50% kepada para pelajar beruniform; dan
- ii. Diskaun sebanyak 40% kepada Orang Kurang Upaya

Di samping itu, kadar tambang konsesi bagi perkhidmatan ETS juga ditawarkan bagi segmen penumpang tertentu seperti berikut:

- i. Diskaun 40% kepada kanak-kanak;
- ii. Diskaun sebanyak 40% kepada Orang Kurang Upaya;
- iii. Diskaun 30% kepada warga emas;
- iv. Diskaun 30% kepada pesara kerajaan; dan
- v. Diskaun 20% kepada penuntut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)
TARIKH	6 DISEMBER2010 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjalankan kajian atau survei mengenai tahap

SOALAN NO. 13

keselamatan wanita di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berpendapat aspek keselamatan golongan wanita tidak boleh dikompromi pada bila-bila masa, dan ia seharusnya menjadi tanggungjawab bersama semua anggota masyarakat. Dalam hal ini, pihak kementerian sentiasa memperjuangkan supaya keselamatan wanita - sama ada di tempat kerja, di rumah atau di tempat awam - menjadi perkara yang perlu diberi perhatian serius dalam pembangunan sosial negara.

Sehubungan itu, KPWKM telah menjalankan Kajian Sosial Negara melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) bagi mengkaji tahap sosial dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia, termasuk aspek keselamatan awam. Kajian ini telah dijalankan dari bulan Ogos 2009 hingga September 2010.

Selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk mengurangkan jenayah, aspek keselamatan dijadikan sebagai salah satu domain utama yang digunakan dalam penyediaan laporan tersebut. Sebanyak 7 petunjuk (*indicator*) telah digunakan bagi menilai aspek keselamatan iaitu kadar jenayah, bilangan kes juvana, persepsi bagi ketakutan kepada jenayah, kadar kemalangan jalan raya, kadar kematian akibat kemalangan jalan raya, kadar anggota bomba dan penyelamat serta anggota RELA.

Berdasarkan indikator ketakutan terhadap jenayah, laporan tersebut mendapati persepsi ketakutan terhadap jenayah adalah tinggi dalam kalangan wanita iaitu sebanyak 74%

berbanding lelaki iaitu sebanyak 63%. Kebanyakan wanita merasa takut untuk keluar berseorangan di sekitar kawasan kejiranan pada waktu siang atau malam dan berasa takut diserang atau dirompak semasa keluar rumah. Hasil laporan ini menunjukkan bahawa persepsi ketakutan terhadap jenayah bukan sahaja terdapat dalam kalangan wanita tetapi juga dalam kalangan golongan lelaki. Justeru, usaha untuk meningkatkan keselamatan awam seharusnya menggunakan pendekatan secara holistik yang dapat memberikan manfaat kepada segenap lapisan masyarakat.

Tuan Yang Dipertua,

Antara cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Sosial Negara tersebut ialah: a. Pengawasan kejiranan (ala rukun tetangga) perlu dipertingkatkan kerana berdasarkan kajian, didapati bahawa kadar ketakutan terhadap jenayah apabila berada di kawasan kejiranan adalah tinggi. Manakala cara yang lebih berkesan untuk mencegah jenayah ialah dengan mewujudkan kerjasama dan penglibatan

SOALAN NO.: 14

ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

Undang-undang berkaitan penggunaan rizab sungai untuk tujuan pembangunan, sebagai contoh berapa peratus dari tanah rizab Sungai Ampang yang telah digunakan untuk membina *Ampang Waterfront*.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak menggalakkan permohonan untuk menggunakan rizab sungai bagi tujuan pembangunan kerana kawasan rizab ini akan diperlukan untuk kerja-kerja pembaikan kecemasan dan juga untuk penyelenggaraan sungai.

Dalam hubungan ini, JPS telah menggariskan lebar minimum rizab sungai yang diperlukan untuk pengurusan dan penyelenggaraan sungai dan ia hendaklah

diwartakan mengikut peruntukan seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 sebagai rizab untuk tujuan awam.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada permohonan untuk pembangunan yang melibatkan sungai dan rizabnya, pihak JPS akan memberi ulasan dengan mengambilkira tujuan dan bentuk pembangunan. Dalam memberi ulasan ini termasuk syarat-syarat jika perlu, pihak JPS akan berpandukan kepada garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA), garis panduan "Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai" dan beberapa garis panduan yang berkaitan. Garispanduan yang disediakan ini akan membantu pihak berkuasa yang meluluskan projek pembangunan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) membuat keputusan berkaitan permohonan

yang melibatkan sungai dan rizab sungai.

Bagi kes pembangunan yang melibatkan *Ampang Waterfront* yang telah siapkan oleh pihak pemaju, lebih kurang 20% daripada cadangan tanah simpanan Sungai Ampang selebar 165 kaki (2.5 rantai) telah digunakan bagi tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK HALIMAH BINTIMOHD SADIQUE

TARIKH: 6 DISEMBER 2010

SOALAN:

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sektor-sektor yang telah menetapkan gaji minimum di bawah Majlis Penetapan Gaji (MPG) dan nyatakan gaji minimum yang telah ditetapkan serta tahunnya.

PR-1233-L40602

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman dewan yang mulia ini, kuasa menetapkan gaji minimum di bawah Majlis Penetapan Gaji adalah berdasarkan Seksyen 12 kepada Akta Majlis Penetapan Gaji (MPG) 1947.
2. Terdapat lima (5) sektor ekonomi pada masa sekarang iaitu Sektor Pertanian, Sektor Perlombongan dan Kuari, Sektor Pembuatan, Sektor Pembinaan dan Sektor Perkhidmatan. Dari lima (5) sektor tersebut, hanya sektor ekonomi di bawah subsektor

perkhidmatan telah melaksanakan gaji minimum melalui Majlis Penetapan Gaji (MPG). Sejak Akta MPG berkuatkuasa pada 1947, hanya lima (5) MPG yang dilaksanakan. MPG tersebut iaitu MPG Pembantu Kedai (Sarawak), MPG Pemungkah Kapal, MPG Pekerja Wayang Gambar, MPG Pembantu Kedai dan MPG Penghidangan dan Hotel. Lima (5)

Perintah Peraturan Gaji beserta gaji minimum yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

Bil.	PPG	Tahun	Gaji (RM)	Gaji Semasa**
1	Pembantu Kedai (Sarawak)	1972	100	RM400.00- RM549.00
2	Pemungkah Kapal	1977	160	983.24
3	Pekerja Wayang Gambar	1981	175	Kategori pekerjaan tidak lagi wujud
4	Pembantu Kedai	1981	250	1,119.72
5	Penghidangan dan Hotel	1982	185	773.50

****Gaji semasa ini diambil secara purata mengikut Kajian NER tahun 2009 berdasarkan kepada sampel. Ini merangkumi gaji pokok, komisen, upab/ bayaran perkhidmatan mengikut kadar unit dikeluarkan , bonus pengeluaran, elaun sara hidup & service charge.**

3. Kriteria yang digunakan semasa mengadakan Majlis Penetapan Gaji (MPG) bagi lima (5) jawatan di bawah sub-sektor ekonomi itu adalah berdasarkan faktor berikut:

- i. Memberi perlindungan kepada pekerja ;
- ii. Mengelakkan pekerja dieksploitasi oleh majikan; dan
- iii. Meningkatkan taraf hidup pekerja.

4. Semakan semula ke atas gaji minimum bagi lima (5) jawatan tersebut tidak dilakukan atas alasan Kerajaan berharap gaji yang dibayar oleh majikan ditentukan oleh kuasa pasaran (market forces). Ini bagi menarik pelabur asing supaya melabur dalam mengembangkan ekonomi negara dan beralih kepada negara industri.

5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, masalah gajiminimum akan diatasi melalui penubuhan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa perbentangan Bajet 2011. Majlis ini akan diwakili oleh majikan, kesatuan pekerja, kumpulan pekerja tanpa persatuan, agensi Kerajaan, ahli akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu. Penubuhan majlis ini dijangkakan akan memberi faedah kepada 3 juta pekerja swasta apabila dilaksanakan kelak.

NO. SOALAN : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)
TARIKH	6 DISEMBER 2010
SOALAN	TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- a) tindakan pemantauan projek yang dapat peruntukan besar dari semua kementerian baik pun dalam peringkat pembinaan atau pengurusan projek tersebut; dan
- b) keadaan sekarang projek perkampungan Ikan Bakar Terapung di Umbai, negeri Melaka yang mendapat peruntukan RM6.70 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN :

- (a) Pemantuan program/projek pembangunan negara dilakukan secara mikro di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Kementerian (JTPK) yang dipengerusikan oleh Ketua-ketua Setiausaha Kementerian pada setiap bulan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam memastikan setiap program/projek pembangunan kementerian masing-masing dilaksanakan mengikut jadual seperti yang dirancang. Jawatankuasa ini juga mengambil peranan untuk menyelaras dan mengenalpasti tindakan penyelesaian terhadap masalah atau isu pelaksanaan yang dihadapi semasa melaksanakan program/projek pembangunan tersebut. Bagi maksud itu, wakil kementerian, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri sentiasa

terlibat secara aktif di dalam mesyuarat tapak yang diadakan secara tetap bagi memantau dan menilai prestasi kemajuan kerja secara rapi. Ini membolehkan agensi pelaksana dan jabatan-jabatan teknikal yang terlibat untuk mengambil tindakan intervensi dan *trouble shooting* dengan lebih awal sekiranya berlaku masalah yang boleh menjejaskan kemajuan kerja. Selain di peringkat kementerian, kemajuan program/projek pembangunan negara turut di pantau di peringkat Persekutuan melalui Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada setiap bulan. Jawatankuasa ini mengambil peranan untuk menilai prestasi semua kementerian dan agensi pelaksana yang terlibat serta mengambil langkah-langkah penyelesaian sekiranya memerlukan campurtangan di peringkat Persekutuan.

- (b) Projek pembinaan perkampungan Ikan Bakar Terapung di Umbai ini telah dimulakan pada 20 Oktober 2002 dan telah siap sepenuhnya pada 14 April 2004. Tujuan utama projek ini adalah untuk menyediakan ruang niaga yang lebih sistematik dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas, sekaligus mengatasi masalah peniaga-peniaga yang berselerak dan tidak mematuhi amalan perniagaan yang baik. Sehingga kini, projek ini telah berjaya menyediakan peluang kepada 30 orang peniaga ikan bakar/produk-produk lain di tempat yang disediakan. Kompleks ini juga turut menjadi tumpuan pelancong-pelancong yang datang ke negeri Melaka serta turut menjadi pilihan kepada agensi-agensi kerajaan untuk menganjurkan majlis-majlis rasmi.

PERTANYAAN **PEMBERITAHU PERTANYAAN** **LISAN**
DARIPADA **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA** **DATO' ISMAIL**
KAWASAN **BIN KASIM ARAU**
TARIKH NO. **06.12.2010** **(Isnin)**
SOALAN **% 17**

DATO' ISMAIL BIN KASIM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha Kerajaan di dalam meningkatkan tahap persaingan Malaysia di dalam menarik pelaburan asing, terutama di dalam hubungan antara Kerajaan Malaysia dan negara-negara rakan niaga, bagaimana ia akan membantu pembangunan ekonomi negara.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan tahap persaingan bagi memastikan Malaysia terus menjadi

destinasi pelaburan pilihan. Antara usaha-usaha penambahbaikan yang terus diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan iklim pelaburan di Malaysia adalah kondusif serta mesra perniagaan termasuk:

- memperkuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik melalui perianiian perdaqangan bebas. mempercepatkan integrasi dengan negara-negara ASEAN dan juga mengadakan perianiian penggalakan dan perlindungan pelaburan (IGA) dengan negara-negara yang dikenal pasti;
- mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui penambahbaikan sistem penvampaian Kerajaan seperti penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH). Antara inisiatif yang telah diperkenalkan oleh PEMUDAH termasuk:

membolehkan penubuhan svarikat dalam masa 2 hari;

memudahkan proses pendaftaran hartanah dan mengeluarkan hak milik dalam masa 2 hari;

menjalankan penstrukturan semula Garis panduan

dan Fungsi Jawatankuasa Pelaburan Asing pada 30 Jun 2009;

membangunkan sistem Business Licensing Electronic Support System (BLESS) iaitu sebuah pusat sehenti dalam talian; dan

mewujudkan pusat setempat di SME Corporation (SME Corp.) bagi membantu usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mendapatkan khidmat nasihat.

- mewujudkan kawasan perindustrian dengan prasarana yang baik seperti taman teknologi tinggi, kawasan perindustrian dan zon perindustrian bebas;
- menyediakan kemudahan utiliti asas seperti bekalan elektrik, air serta sokongan kemudahan telekomunikasi terkini seperti sokongan ICT yang stabil termasuk capaian ialur lebar yang menveluruh; dan
- memastikan kestabilan politik dan sistem penvampaian Kerajaan yang telus serta efektif.

Kerajaan juga telah memperkenalkan pendekatan berfokus atau “targeted approach”, dengan izin, bagi

menggalakkan kemasukan peiaburan dengan tumpuan kepada sektor pasaran baru muncul seperti 'advanced electronics' dan semikonduktor, peralatan dan peranti perubatan, sumber tenaga alternatif dan tenaga solar dan fotonik, di samping penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D.

Tuan Yang DiPertua,

Usaha-usaha penambahbaikan berterusan yang diambil oleh Kerajaan ini telah berjaya menempatkan Malaysia di kedudukan ke-10 dari segi dava saing negara pada tahun 2010 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada tangga ke-18 seperti yang dilaporkan di dalam IMP World Competitive Report 2010. Usaha-usaha ini juga akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi selaras dengan Model Ekonomi Baru dan hasrat RMK-10. Usaha giat sedang dijalankan untuk menvelaraskan hala tuiu strategik dan proses-proses kerja di MITI serta agensi di bawahnya terutama sekali bagi mencapai sasaran peiaburan swasta sebanyak RM115 bilion setahun dalam tempoh RMK-10.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO.: 19

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]
TARIKH 6 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan

Apakah rasionalnya peruntukan RM1 juta yang diberikan kepada Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak diberikan juga kepada Ahli-Ahli Parlimen lain.

CADANGAN

Tuan Yang Dipertua,

Pertanyaan-Pertanyaan Lisan dan Bukan Lisan berkaitan perkara ini tidak dapat dijawab buat masa ini di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat kerana boleh menyebabkan risiko prejudis terhadap kes Dr. Micheal Jayakumar Devaraj vs KP ICU JPM, SDO Perak dan Kerajaan Malaysia (No. Kes: Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Permohonan untuk Semakan Kehakiman Nombor R1-25-474-2010) yang telah difailkan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]
TARIKH : 6 DISEMBER 2010

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada semua model kereta nasional menepati piawai pelepasan karbon domestik dan juga antarabangsa.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua model kereta nasional perlu mematuhi piawai EURO 1 bagi kenderaan diesel dan EURO 2 bagi kenderaan petrol seperti yang termaktub masing-masing dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Piawai-piawai ini adalah bersamaan dengan piawai di bawah *United Nations Economic Commission for Europe (UNECE)* iaitu, satu piawaian antarabangsa.

Semua model kereta nasional telah menepati piawai pelepasan karbon monoksida domestik. Walau bagaimanapun negara-negara luar menetapkan piawai mengikut keperluan negara masing-masing. Dalam hal kereta nasional ia perlu mematuhi piawai negara di mana kereta tersebut akan dipasarkan.

No* - CLO

SOALAN NO.:

21

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

YB. DATO' RASHID BIN DIN

DARIPADA
KAWASAN

MERBOK

TARIKH
NO. SOALAN

06.12.2010

(ISNIN)

YB. Dato' Rashid Bin Din minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk menarik minat pelabur asing, di tahap manakah kedudukan Malaysia, berbanding dengan negara jiran, berkenaan dengan proses kelulusan lesen-lesen yang diperlukan untuk memulakan perusahaan. Nyatakan perbandingan di antara negara jiran '*lead-time*' yang diperlukan oleh sesuatu perusahaan untuk memulakan operasi, yakni dari MOU hingga operasi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

"Lead-time" yang diperlukan bagi projek perkilangan adalah bergantung kepada ciri-ciri projek itu sendiri sebelum memulakan operasi. Walaubagaimana pun

kebiasaannya, sesuatu projek memerlukan masa antara 12 hingga 18 bulan untuk memulakan pengeluaran. Bagi projek yang berintensifkan modal, ianya biasanya memerlukan masa yang lebih dari 18 bulan terutamanya jika projek berkenaan perlu dilaksanakan dalam beberapa fasa.

Pelbagai faktor diambil kira sebelum sesuatu perusahaan dapat memulakan operasi. Walaupun urusan-urusan seperti kelulusan lesen dan permit mengambil masa yang singkat, proses membangunkan infrastruktur dan pembinaan mengambil masa yang berbeza mengikut keadaan.

MIDA memainkan peranan penting untuk memastikan projek-projek yang diluluskan dilaksanakan dengan segera. Ini termasuk usaha 'handholding' di mana bantuan diberikan kepada pelabur untuk berurusan dengan pelbagai pihak berkuasa tempatan termasuk agensi penqqalakan peiaburan negeri untuk mendapatkan segala kelulusan dan seterusnya memastikan projek itu dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah dan menqikul iadual.
Tuan Yang DiPertua,

Pelbagai inisiatif yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam usaha untuk menarik minat pelabur asing ke Malaysia. Mengikut *Doing Business Report 2010* yang dikeluarkan oleh

Bank Dunia, Malaysia berada di tangga ke-23 dari 183 negara dalam kedudukan *Ease of Doing Business* (dengan Izin). Kedudukan Malaysia adalah jauh lebih baik berbanding negara-negara jiran seperti Viet Nam di tangga ke-93, Brunei tangga ke-96, Indonesia tangga ke- 122 dan Laos tangga ke-167.

Salah satu indikator di bawah laporan *Ease of Doing Business* adalah *Starting a Business* ataupun Memulakan Perniagaan. Indikator ini mengukur bilangan prosedur dan masa yang diambil untuk memulakan perniagaan di samping kos yang diperlukan. Berdasarkan kedudukan *Starting a Business*, Malaysia berada di tangga ke-88, manakala Laos di tangga ke-89, Viet Nam tangga ke-116, Indonesia tangga ke-161 dan Brunei tangga ke-153. Malaysia memerlukan 9 prosedur untuk memulakan perniagaan, menyamai Indonesia tetapi Singapura dan

Thailand memerfukan prosedur yang lebih rendah iaitu 3 (Singapura) dan 7 (Thailand).

Tuan Yang DiPertua,

Pelbagai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memudahkan urusan perniagaan dan perusahaan termasuk:

- Memulakan syarikat dalam masa 3 hari. Apabila Fasa 2 MyCoID dilaksanakan pada Disember 2010, urusan ini dapat diakukan dalam masa satu hari sahaja;
- Mewujudkan pusat setempat di SME Corporation (SME Corp.) bagi membantu usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mendapatkan khidmat nasihat tentang cara-cara menubuhkan dan mendapatkan modal bagi syarikat; dan
- Memperkenalkan nombor pengenalan korporat tunggal Malaysia (MyCoID) sebagai nombor pengenalan standard bagi urusan dengan agensi Kerajaan.

PEMUDAH juga telah menubuhkan (dengan izin) Focus Group on Business Process Re-engineering in Business Licensing (FGBPR) bertujuan untuk mengurangkan proses kelulusan, lesen dan permit perniagaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan Agensi.

Selain itu, berkuatkuasa 1 Disember 2008, pemberian Lesen Pengilang secara automatik telah diperkenalkan kepada syarikat yang memohon Lesen Pengilang dalam semua industri perkilangan kecuali bagi industri yang diklasifikasikan sebagai industri sensitif. Syarikat-syarikat berkenaan diberikan Lesen Pengilang secara automatik dalam masa 2 hari.

Kerajaan akan meneruskan usaha penambahbaikan dalam urusan perniagaan seperti kaiian semula undang-undang buruh, memudahkan penutupan perniagaan dan fasilitasi perdagangan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan menarik pelabur-pelabur dari luar untuk melabur di Malaysia.

SOALAN NO.: 21
DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO'NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG]

TARIKH : 6 DISEMBER 2010

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggunakan pendekatan secara khusus (*project-specific approach*) dalam usaha pemuliharaan sungai seperti contoh dalam setiap Rancangan Malaysia, hanya lima lembangan sungai diberi tumpuan berbanding sekarang yang lebih banyak bersifat umum.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mempunyai pelbagai pendekatan termasuk pendekatan secara khusus (*project-specific approach*) dalam usaha pemuliharaan sungai di seluruh negara. Semenjak Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) hingga sekarang, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dan sedang melaksanakan kajian terhadap beberapa lembangan sungai utama seperti berikut:

- i. Lembangan Sungai Selangor;
- ii. Lembangan Sungai Kedah;
- iii. Lembangan Sungai Muar;
- iv. Lembangan Sungai Pahang;

- v. Lembangan Sungai Perak;
- vi. Lembangan Sungai Terengganu;
- vii. Lembangan Sungai Melaka;
- viii. Lembangan Sungai Perlis;
- ix. Lembangan Sungai Sarawak; dan
- x. Lembangan Sungai Kinabatangan.

Dari kajian tersebut, dua (2) lembangan sungai iaitu, Lembangan Sungai Selangor (di bawah Lembaga Urus Air Selangor [LUAS]) dan Lembangan Sungai Kedah (di bawah Lembaga Urus Air Negeri Kedah Darul Aman [LUAN]) telah berjaya diurusadbir secara lembangan untuk memastikan lembangan sungai berkenaan terpelihara, mempunyai sumber air yang mencukupi, memastikan kualiti airnya terjamin dan alam persekitarannya terpelihara. Konsep yang digunapakai ialah konsep Pengurusan Lembangan Sungai Secara Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*).

Di dalam RMKe-9, pihak JPS telah memberi tumpuan kepada inisiatif pelaksanaan Satu Negeri Satu Sungai (1N1S) juga menggunakan konsep *IRBM* dan melibatkan pendekatan secara khusus (*project-specific approach*). Program 1N1S adalah merupakan projek perintis yang juga dikenali sebagai mini-*IRBM* oleh kerana tumpuan diberi kepada sub-lembangan kecil di dalam setiap negeri. Satu sungai yang kotor dipilih untuk dipulihkan menggunakan konsep *IRBM* di dalam setiap Negeri. Sebanyak 14 batang sungai telah dipilih dengan objektif untuk menjadikan sungai bersih, hidup dan vibran dengan meningkatkan kualiti air sungai ke Kelas MB menjelang 2015, menjadikan sungai dan persekitarannya sebagai kawasan rekreasi yang semulajadi dan menjadikan sungai bebas dari sampah sarap dan mendapan yang boleh mengakibatkan banjir. Sehingga kini lima (5) batang sungai telah menunjukkan peningkatan tahap kualiti air.

Pada tahun ini, pihak Kementerian melalui JPS telah memperkenalkan satu kaedah baru iaitu *jps@komuniti* untuk menyelesaikan masalah diperingkat sub- lembangan. Kaedah ini adalah lebih sistematik dan bersepadu dalam menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian dan JPS. Pelaksanaanya ialah diperingkat daerah dan akan

dilaksanakan dengan lebih cepat, mesra komuniti dan efektif di bawah kepimpinan Jurutera

Daerah dengan juga menggunakan konsep Pengurusan Lembangan Sungai Secara Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*). Pada masa sama sokongan padu akan diberi oleh JPS Negeri dan JPS Malaysia. Kaedah ini baru diperkenalkan dan diharapkan akan lebih memberi kesan atau output yang cepat semoga komuniti setempat dapat merasai outcome dari tindakan-tindakan penyelesaian masalah yang diambil di dalam sub-lembangan tersebut.

Dengan kaedah jps@komuniti tiada lembangan sungai akan ditinggalkan, semua lembangan sungai akan diambil kira melalui pemilihan sub-lembangan. Pemilihan sub-lembangan adalah kerana ianya lebih kecil, maka lebih mudah untuk diuruskan dan sungainya dipelihara. Sekiranya semua sub-lembangan dipelihara, akhirnya kesan atau impak besarnya adalah kepada lembangan sungai yang besar itu juga.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH 6 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan mekanisme yang berkesan bagi memastikan Jabatan Peguam Negara yang mengendalikan pendakwaan pelbagai kes khasnya kes-kes yang berprofil tinggi adalah telus dan bebas dari campur

NO. SOALAN: 22

tangan pihak tertentu serta nyatakan juga berapa kes berprofil tinggi yang berjaya didakwa ke muka pengadilan dari tahun 1970 hingga 2010.

1

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa pendakwaan dalam sistem perundangan di negara ini adalah terletak pada Peguam Negara yang jelas diperuntukkan di bawah Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Keputusan untuk mendakwa oleh Peguam Negara yang bertindak sebagai Pendakwa Raya adalah berdasarkan keterangan siasatan yang dikumpulkan oleh agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

NO. SOALAN: 22

Pegum Negara akan membuat keputusan berdasarkan keterangan yang dikumpulkan, sama ada terdapat kes 'prima facie' atau tidak untuk didakwa di mahkamah dan bukannya berdasarkan campur tangan mana-mana pihak.

Walaupun Jabatan Pegum Negara berpandangan bahawa suatu kes itu mempunyai kes 'prima facie' yang cukup untuk didakwa, ini tidak memberi jaminan bahawa pendakwaan tersebut akan berjaya dan akan mendapat sabitan kerana ini bergantung kepada kejayaan pihak pendakwaan untuk membuktikan kes atas tahap tanpa keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*). Pengendalian suatu kes adalah bergantung kepada banyak faktor antaranya faktor saksi dalam kes itu sendiri sebagai contoh saksi yang tidak memberikan kerjasama atau sengaja memberi keterangan yang berbeza di Mahkamah yang disebutkan sebagai "hostile witness".

Bagi menjawab soalan mengenai jumlah kes berprofil tinggi yang berjaya didakwa oleh pihak pendakwaan ke muka pengadilan dari tahun 1970 hingga 2010 adalah sukar kerana maksud kes berprofil tinggi adalah subjektif. Kes berprofil tinggi boleh dimaksudkan sebagai kes yang melibatkan seseorang yang mempunyai pangkat atau jawatan tinggi dalam Kerajaan, suatu organisasi atau mereka yang dikenali masyarakat secara

NO. SOALAN: 22

umum samaada sebagai pelaku jenayah atau sebagai mangsa jenayah.

Selain itu, sesetengah pihak mungkin menterjemahkan kes berprofil tinggi berbeza dari yang dinyatakan di atas dan mungkin berpendapat bahawa kes berprofil tinggi merujuk kepada perlakuan jenayah itu sendiri atau dari aspek laporan media yang kerap yang menarik minat orang ramai untuk mengetahuinya.

Kes-kes pendakwaan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang melibatkan pihak yang berkedudukan tinggi sama ada dalam kerajaan atau organisasi tertentu juga dikategorikan sebagai kes berprofil tinggi.

Oleh itu adalah sukar untuk menjawab secara tepat mengenai berapa kes berprofil tinggi yang berjaya di bawa ke muka pengadilan kerana maksud kes berprofil tinggi adalah subjektif

Sekian. Terima kasih.

DARIPADA

PERTANYAAN **MEMPERITAHU PERTANYAAN**
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

TARIKH **06.12.2010**
DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJUNG MANIS)

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman (Tanjung Manis) minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-



- (a) Bilakah Kerajaan akan mula menghadkan pelaburan ke luar negara keuntungan syarikat-syarikat yang mendapat subsidi daripada Kerajaan seperti syarikat-syarikat Penjana Tenaga Bebas (IPP), tol lebuh raya; dan

- (b) Sama ada Kerajaan akan menegaskan agar syarikat-syarikat tersebut melabur di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan buat masa ini tidak mempunyai rancangan untuk menghadkan atau menghalang pelaburan oleh syarikat-syarikat swasta ke luar

negara. Ini adalah kerana syarikat-syarikat swasta bertanggungjawab kepada Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham. Syarikat-syarikat ini bebas untuk membuat pelaburan dalam mana-mana portfolio yang dapat menjamin pulangan yang tinggi kepada syarikat. Di samping itu, syarikat-syarikat swasta kini di lihat lebih berdaya saing dengan tadbir urus korporat yang lebih teguh, struktur dalaman yang cekap, amalan pengurusan risiko yang baik dan sumber pendapatan yang pelbagai.

Kapasiti yang kukuh telah membolehkan syarikat-syarikat ini meneroka ke luar negara dan meraih manfaat daripada peluang-peluang perniagaan baru. Oleh yang demikian, sebarang keputusan untuk membuat pelaburan sama ada dalam dan luar negara adalah ditentukan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham syarikat tersebut dan tidak melibatkan Kerajaan sama sekali.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan galakan kepada syarikat-syarikat tempatan yang berjaya untuk melabur dalam pasaran tempatan bagi membantu meningkatkan ekonomi negara.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN\$J.B/(92)

RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)



PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 06.12.2010

Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa hasil cukai telah dikutip oleh Kerajaan daripada masing-masing syarikat nombor empat ekor dalam tahun 2009 dan 2010 (hingga 30 September 2010). Berapa daripada angka ini adalah pendapatan cukai dari "*special draw*"

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) jumlah hasil cukai yang diterima oleh Kerajaan daripada cabutan biasa empat nombor ekor bagi enam
- (6) agensi nombor ramalan (NFO) yang dilesenkan oleh Kerajaan adalah sebanyak RM1,199,574,646.73 bagi tahun 2009 dan RM988,781,852.88 bagi tahun 2010 (sehingga 30 September).

(b) Manakala, jumlah hasil cukai yang telah dikutip oleh Kerajaan daripada “special draw” pada tahun 2009 adalah sebanyak RM105,514,511.16 dan bagi tahun 2010 (hingga 30 September 2010) sebanyak RM90,096,781.35.

Soalan No : 25

PERTANYAAN	DEWAN	LISA	PEMBERITAHU PERTANYAAN
		N	RAKYAT
DARIPADA		Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN	
		SHAFEE (SETIU)	
TARIKH		06.12.2010	

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pandangan dan usaha Kementerian untuk memperkasakan pegawai yang berkhidmat di Pejabat Pelajaran Daerah agar selaras dengan peluang kenaikan pangkat yang ada di sekolah di mana Pegawai Pelajaran Daerah ini merupakan pemantau, penyelia dan pembimbing pelaksanaan dasar pendidikan di sekolah yang memerlukan Pegawai Pelajaran yang komited, berkemahiran dan berpengalaman tetapi terhad kenaikan pangkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang dalam usaha menstruktur semula Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) di seluruh Malaysia bagi memantapkan pengurusan dan fungsi di PPD sekali gus mewujudkan lebih banyak jawatan-jawatan kenaikan pangkat di PPD. Daripada keseluruhan perjawatan baru yang dicadangkan sebahagian daripadanya adalah jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD). Cadangan ini dalam peringkat akhir pertimbangan Pengurusan Tertinggi KPM sebelum ianya dikemukakan kepada pihak Agensi Pusat untuk kelulusan.

SJ.B/(126)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

IBRAHIM

DARIPADA

(PERMATANG PAUH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 06.12.2010

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan pendekatan baru kerajaan dalam mengawal selia pengurusan GLC bagi memastikan prestasi buruk yang dialami oleh Sime Darby Bhd, Terengganu Investment Fund, PKFZ, PERWAJA dan sebagainya tidak berterusan mahupun berulang. Apakah Kerajaan akan membuat siasatan bebas bagi mencari punca sebenar kerugian yang begitu besar berlaku dalam Sime Darby Bhd.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan amalan tadbir urus korporat yang diamalkan oleh syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), penyeliaan atas pengurusan GLC dilakukan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing, di mana pengarah nomini dilantik bagi mewakili kepentingan para pemegang saham

terbesar syarikat, termasuk pihak Kerajaan.

2. Lembaga Pengarah di antara lainnya bertanggungjawab menetapkan Indeks Prestasi Utama (KPI) dan sasaran bagi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta anggota Pengurusan syarikat yang lain dan pencapaian pihak pengurusan akan dinilai secara berkala melalui laporan yang dibuat setiap suku tahunan. Berdasarkan kepada laporan ini, Lembaga Pengarah akan menumpukan perhatian kepada sasaran yang tidak dicapai dan memastikan pihak Pengurusan menyediakan pelan tindakan bagi mengatasi sebarang kelemahan.

3. Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah turut mengambil maklum pencapaian cemerlang GLC dan akan membincangkan bagaimana pencapaian tersebut dapat terus dikekalkan pada masa akan datang. Pada setiap penghujung tahun kewangan, Lembaga Pengarah berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas anggota Pengurusan yang gagal mencapai KPI dan sasaran yang telah ditetapkan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai pegangan saham secara langsung dalam Sime Darby Bhd. Penglibatan Kerajaan adalah melalui Permodalan Nasional Bhd. Oleh itu, campur tangan Kerajaan adalah terhad. Bagaimanapun Kerajaan telah mengambil tindakan segera melalui agensi-agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Sekuriti yang telah

memulakan penyiasatan mendalam ke atas Sime Darby Bhd.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN]

TARIKH 6 DISEMBER 2010

SOALAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang melebarkan pemberian biasiswa sebanyak 5 peratus kepada lulusan matrikulasi terbaik di samping lulusan STPM seperti yang tercatat dalam RMK-10.

JAWAPAN YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedia ada telah mengambil kira penawaran biasiswa kepada pelajar cemerlang lepasan asasi/matrikulasi/ diploma/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) bagi

NO. SOALAN : 28

melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 38
NO.AUP .0.%

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]
TARIKH 6 DISEMBER 2010
RUJUKAN 3142

SOALAN:

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengenai ketagihan daun ketum yang merupakan gejala sosial yang meruntuhkan akhlak belia di luar bandar, ia juga menjadi asas bermulanya jenayah penagihan najis dadah yang lebih merbahaya. Bila Kerajaan akan menggubal undang-undang yang memasukkan daun ketum di bawah Akta Dadah Merbahaya yang membolehkan pengedar dan penagih daun ketum dihukum mengikut Akta Dadah Merbahaya.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sik kerana bertanyakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, daun ketum atau daun pokok biak mengandungi bahan psikoaktif *Mitragynine* yang mana telah disenaraikan di dalam Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 (Akta 366). Di bawah Akta ini, sesiapa yang mengimport, mengeksport, mengeluarkan, memproses, memiliki, membekal atau menggunakan bahan psikoaktif yang tersenarai di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 adalah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 30, yang mana jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau di penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan memperketatkan lagi kawalan ke atas penanaman daun ketum melalui Rang Undang-Undang Farmasi yang sedang dalam peringkat akhir gubalan.

Beberapa peruntukan di dalam Rang Undang-Undang ini menyentuh kesalahan-kesalahan memiliki daun ketum, menanam pokok ketum dan larangan menggunakan premis untuk mengendalikannya serta hukuman yang lebih berat termasuklah mencadangkan hukuman penjara sebagai 'deterent'.

SOALAN NO:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI

ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR

TARIKH 6 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dengan adanya Perlembagaan Negara yang telah wujud sejak Merdeka lagi, masih ada pihak yang telah mempersoalkan perkara-perkara yang sensitif, contohnya Perkara 153 di dalam Perlembagaan.

DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

JAWAPAN: MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan yang di-Pertua,

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara-perkara yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan sentiasa menjadi isu perbincangan. Setiap warganegara Malaysia mempunyai hak untuk bersuara termasuklah untuk membincangkan peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara ini bukanlah kebebasan yang mutlak dan ia tertakluk kepada ruang lingkup undang-undang yang dibuat di bawah fasal 2, fasal 3 dan fasal 4 Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk mencegah mana-mana orang daripada membuat pernyataan yang boleh menyentuh perasaan sensitif kaum yang ada di Negara ini. Perkara 10 memberi kuasa kepada Parlimen untuk meluluskan undang-undang yang melarang perbuatan mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III berkenaan dengan kewarganegaraan, Perkara 152 berkenaan dengan bahasa kebangsaan dan bahasa kaum- kaum lain, Perkara 153 berkenaan dengan kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain serta Perkara 181 berkenaan dengan kedaulatan Raja-Raja.

Justeru, Fasal 1 Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan merupakan antara perkara yang berkenaan dengannya, Parlimen boleh meluluskan undang-undang yang melarang perbuatan mempersoalkannya. Fasal 1 Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.

Sesungguhnya kepentingan dan keistimewaan yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan adalah muktamad dan tiada undang-undang lain boleh digubal bagi menyentuh, mengurangkan atau merampas kepentingan dan keistimewaan tersebut. Kepentingan dan keistimewaan ini merupakan suatu hak yang kukuh kerana Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama Persekutuan dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 41

NO. AUP : 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]

TARIKH 6 DISEMBER 2010

RUJUKAN 3238

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kes-kes jenayah dan pergaduhan yang dikategorikan berpunca dari masalah perkauman mengikut negeri-negeri sejak tahun 2000 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Puteh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak tahun 2000 hingga sekarang, hanya terdapat satu kes jenayah dan pergaduhan yang boleh dikategorikan berpunca dari masalah perkauman iaitu insiden yang berlaku di Kampun Medan, Petaling Jaya, Selangor pada tahun 2001. Kes berkenaan telah disiasat dan mereka yang terlibat telahpun dituduh di mahkamah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]**

TARIKH 6 DISEMBER 2010

SOALAN

NO. SOALAN : 32

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji sama ada hendak meneruskan penghantaran pelajar tajaan ke Indonesia kerana insiden demonstrasi yang mencemarkan kedaulatan Malaysia.

NO. SOALAN : 31

JAWAPAN **YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam telah melaksanakan pengurangan penghantaran pelajar tajaan ke Indonesia mulai tahun 2009 berdasarkan justifikasi berikut:

- i. Isu keselamatan yang disebabkan oleh faktor bencana alam; dan
- ii. Dasar pengurangan pelajar ke luar negara selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengekalkan pelajar-pelajar cemerlang dalam negara bagi menyokong usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan serantau.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TAN SRI DATO¹ ABD. KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH 6 DISEMBER 2010

SOALAN

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan saiz pekerja sektor awam di Malaysia adalah paling tinggi di ASEAN dengan 1.2 juta orang mewakili 3.68 peratus dari jumlah penduduk (Thailand 2.06 peratus, Filipina 1.81 peratus, Indonesia

1. 79 peratus). Jika saiz ini di perkecilkan, bagaimanakah mereka yang diberhentikan akan dibantu terutama kakitangan yang dilantik secara kontrak.

NO. SOALAN : 32

JAWAPAN **YB. DATO⁵ SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Komposisi saiz sektor awam di Malaysia adalah besar kerana ia terdiri daripada pelbagai sektor utama. Dari jumlah 1.2 juta penjawat awam, 90 peratus merangkumi sektor-sektor utama seperti berikut:

(i) Sektor Pendidikan	-	506,760 (40%)
(ii) Sektor Keselamatan, Penguatkuasaan Dan Pertahanan Awam	-	286,520 (22%)
(iii) Sektor Pentadbiran	-	184,310(15%)
(iv) Sektor Kesihatan	-	163,380(13%)

Definisi perkhidmatan awam di antara negara adalah berbeza. Bagi Malaysia, perkhidmatan awam adalah ditetapkan dalam Artikel 132(1), Perlembagaan Persekutuan, meliputi perkhidmatan awam persekutuan dan negeri, perkhidmatan angkatan tentera, anggota polis, perkhidmatan pendidikan, doktor, dan lain-lain.

NO. SOALAN : 32

Pelantikan secara kontrak bukanlah suatu perkhidmatan yang berterusan dan perkhidmatan mereka hanya untuk tempoh yang singkat bagi menyelesaikan sesuatu tugas atau projek ditetapkan mengikut keperluan agensi berkenaan. Pada dasarnya, perkhidmatan pegawai kontrak boleh ditamatkan dalam keadaan:

- (a) perkhidmatan pegawai tidak lagi diperlukan oleh agensinya kerana tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pegawai telah selesai;**
- (b) tempoh kontrak pegawai akan tamat mengikut perjanjian yang telah dipersetujui antara pegawai dan Kerajaan; atau**
- (c) pegawai kontrak yang mempunyai masalah disiplin serta pencapaian kerja yang tidak memuaskan.**

Selain itu, di dalam keadaan sekarang pegawai kontrak diperingatkan bahawa mereka tidak dijanjikan untuk diserap atau dilanjutkan perkhidmatan. Sebaliknya pegawai kontrak hendaklah berusaha memohon jawatan lain dan menggunakan pengalaman yang diperolehi untuk membolehkan dilantik dalam jawatan-jawatan lain yang bersesuaian.

NO. SOALAN: 32

Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang merupakan usaha komprehensif untuk menjadikan Malaysia sebagai *high-income nation* menjelang 2020, Kerajaan telah berusaha mewujudkan peluang pekerjaan baru dengan penyediaan lebih 3.3 juta peluang pekerjaan yang merentasi kawasan bandar dan luar bandar, Ia membuka peluang kepada semua rakyat termasuk pegawai kontrak untuk mendapat pekerjaan.

Sekian. Terima kasih.

No. Soalan : 33

**PERTANYAAN-PERTANYAAN 3AWAB LISAN
DEWAN RAKYAT YANG KEDUA BELAS,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
Jawab Lisan**

PERTANYAAN DARIPADA TARIKH SOALAN	DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU 3 ISNIN, 6 DISEMBER 2010 Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan: (a) kawasan perairan dikesan mempunyai simpanan minyak dan gas, yang masih dipertikaikan antara Malaysia dengan Indonesia. Bagaimana caranya kita dapat menyelesaikan pertikaian itu agar mengelakkan berlakunya sesuatu konflik di antara kedua-dua buah negara; dan (b) nyatakan negara-negara lain yang masih mempunyai pertikaian yang sama dengan negara kita.
--	---

JAWAPAN:
Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Tawau kerana mengemukakan soalan yang tersebut.

2. Dalam konteks memelihara dan meningkatkan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara jiran, Kerajaan terus memberi perhatian utama kepada usaha-usaha untuk menyelesaikan isu-isu yang tertunggak dan yang mungkin timbul dari masa ke semasa. Kerajaan sentiasa komited untuk mendapatkan penyelesaian yang harmonis melalui pendekatan diplomasi dan proses rundingan dua hala di samping mengambil kira semangat kerjasama dan integrasi ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Izinkan saya menjelaskan isu-isu yang masih lagi memerlukan usaha berterusan dengan negara-negara jiran untuk mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak.

Malaysia dan Indonesia

4. Malaysia dan Indonesia mempunyai beberapa isu tertunggak yang masih dalam proses rundingan termasuk isu-isu persempadanan maritim dan darat, dan penempatan tenaga kerja Indonesia. Kedua-dua negara akan terus berusaha mengendalikan isu-isu tersebut ke arah penyelesaian muktamad demi kebaikan bersama.

5. Kumpulan Teknikal kedua-dua negara telah bertemu sebanyak 16 kali untuk berunding bagi menyelesaikan isu-isu persempadanan maritim di Laut Sulawesi, kawasan paling Selatan di Selat Melaka, kawasan laut wilayah di Bahagian Timur Selat Singapura, sempadan laut wilayah di Selat Singapura, kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) di Selat Melaka dan EEZ di Laut China Selatan. Kedua-dua negara telah bersetuju pada 27 September 2010 untuk menubuhkan, dengan izin, *Border Management Forum* bagi mengelola isu-isu perbatasan secara menyeluruh.

6. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Indonesia telah diadakan sebanyak 39 kali bagi membincangkan titik-titik sempadan darat di antara Sabah dan Kalimantan Timur dan Kalimantan Tengah serta antara Sarawak dan Kalimantan Barat.

7. Kumpulan Kerja Bersama Malaysia-Indonesia telah bertemu sebanyak 6 kali bagi membincangkan kajian semula ke atas Memorandum Persefahaman (Moll) 2006 berhubung pengambilan dan penempatan pembantu rumah dari Indonesia.

Malaysia dan Singapura

8. Kerajaan memberi perhatian serius kepada pelaksanaan terhadap semua persetujuan yang telah dicapai di antara Y.A.B. Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Singapura mengenai pelaksanaan, dengan izin, *Points of Agreement (POA)* yang telah tertunggak selama 20 tahun. POA telah memperuntukkan pemindahan stesen keretapi KTMB di

Tanjong Pagar ke *Woodlands Train Checkpoint* pada 1 Julai 2011, dan penubuhan sebuah syarikat usaha sama M-S Pte Ltd. Susulan daripada itu, persetujuan telah dicapai mengenai pertukaran tanah untuk dibangun bersama oleh M-S Pte Ltd. Manakala isu caj pembangunan, dengan izin, *development charge* yang perlu dibayar oleh M-S Pte Ltd akan dibawa untuk proses timbang tara antarabangsa untuk mendapat penyelesaian secara baik. Sebuah pasukan pelaksanaan bersama, *Malaysia-Singapore Joint Implementation Team* (MS JIT) telah ditubuhkan untuk menyusul pelaksanaan POA. Mesyuarat MSJIT yang ketiga diadakan pada 20 - 21 Oktober 2010 di Malaysia.

9. Mengenai isu keluasan sebenar tanah-tanah KTMB yang akan dipindah milik kepada M-S Pte Ltd, adalah 83.908 hektar dan bukan 217 hektar sebagaimana yang dibangkitkan. Saya hanya ingin menyentuh berkaitan tanah KTMB di Singapura sahaja kerana tanah KTMB di Malaysia (Bangsar) bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

10. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanah-tanah KTMB di Singapura adalah merupakan tanah-tanah milik *Singapore Railway* yang dipajakan oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui "*Singapore Railway Transfer Ordinance*" bertarikh 25 Oktober 1918. Menurut Ordinan 1918, tanah-tanah tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan perkeretapian sahaja dan tidak boleh dibangunkan untuk tujuan komersil yang lebih menguntungkan. Sekiranya tanah-tanah tersebut digunakan untuk tujuan lain selain daripada perkeretapian, Kerajaan Singapura akan

mengambil balik tanah-tanah tersebut tanpa pampasan.

11. Pemindahan tanah-tanah ini merupakan salah satu aspek daripada pelaksanaan POA yang boleh menyumbang kepada penyelesaian isu-isu dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Langkah ini membolehkan kedua-dua negara berjiran melihat ke hadapan ke arah peningkatan kepentingan bersama.

12. Kerajaan Malaysia dan Singapura juga sedang berunding mengenai persempadanan maritim sebagai susulan kepada keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 berhubung kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Dalam hal ini, sebuah Jawatankuasa Teknikal Bersama ditubuhkan dan telah bermesyuarat 4 kali untuk melaksanakan keputusan ICJ tersebut.

Malaysia dan Thailand

13. Secara amnya, Malaysia tidak mempunyai isu-isu rumit dengan Thailand. Kedua-dua negara kini sedang berusaha untuk memuktamadkan tiga Perjanjian Kerjasama dalam bidang Anti-Pemerdagangan Orang, Lintas Sempadan, dan Pengangkutan Barangan. Sementara itu, kedua-dua negara telah selesai berbincang dan kini bersedia untuk menandatangani dua Perjanjian berhubung kerjasama dalam bidang Sukan, dan Pengajian Tinggi.

14. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia dan Thailand berjaya membangunkan secara bersama kawasan bertindih di sempadan Malaysia dan Thailand yang kini dikenali sebagai *Joint Development Area (JDA)*. Pembangunan kawasan tersebut ditadbir urus melalui *Malaysia - Thailand Joint Authority (MTJA)*.

Malaysia dan Filipina

15. Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina berada pada tahap yang baik dan harmoni. Pergolakan di Selatan Filipina tidak menjejaskan hubungan baik Malaysia dengan negara tersebut. Malah, permasalahan di Selatan Filipina sentiasa dibincang dalam pertemuan di antara pucuk pimpinan tertinggi Malaysia dengan negara tersebut bagi mencari jalan penyelesaian secara aman berdasarkan semangat kesepakatan dalam ASEAN.

16. Malaysia dan Filipina juga sedang membincangkan lima perjanjian berhubung kerjasama dalam bidang perburuhan, pelajaran, kesihatan, kebudayaan, dan pertanian. Perbincangan-perbincangan ini diadakan melalui mekanisme-mekanisme dua hala sedia ada, termasuk Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Filipina di peringkat Menteri Luar Negeri.

17. Malaysia juga bersetuju dengan permintaan Kerajaan Filipina untuk terus memainkan peranan sebagai Pemudah Cara, dengan izin, *Facilitator* bagi rundingan damai di antara Kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

Malaysia dan Brunei Darussalam

18. Kerajaan amat gembira dengan hasil pertemuan YAB Perdana Menteri dengan Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 September 2010 di Putrajaya. Kejayaan pertemuan tersebut telah dimanifestasikan dalam Kenyataan Bersama antara YAB Perdana Menteri dan Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di akhir Rundingan Tahunan kali ke-14 pada 21 September 2010 di Putrajaya.

19. **Jawatankuasa Pelaksanaan *Exchange of Letters* Malaysia - Brunei** telah mengadakan empat kali mesyuarat bagi membincangkan pelaksanaan elemen-elemen seperti yang terkandung dalam '*Exchange of Letters*' tersebut melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal. Saya berpuas hati dengan kemajuan dan perkembangan positif yang telah tercapai setakat ini.

20. Sebagai penutup, Malaysia terus komited untuk menyelesaikan isu yang tertunggak bersama negara-negara jiran secara perundingan/perbincangan dua hala dan pelbagai hala. Malaysia yakin ini merupakan langkah terbaik untuk mencapai penyelesaian secara aman selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam ASEAN.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI

(PAS) (TITIWANGSA)

TARIKH

6 DISEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Dr. Lo' Lo' Binti Mohamad Ghazali (PAS) (Titiwangsa) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan Rumah-rumah Perlindungan yang disediakan JKM untuk remaja dan wanita yang memerlukan perlindungan kerana didera/hamil tanpa nikah dan lain-lain masalah di seluruh negara

SOALAN NO.: 34

mengikut negeri. Apakah bentuk atau kurikulum pendidikan atau tarbiah yang disediakan bagi membantu mereka insaf dan mengubah kehidupan mereka serta apa pula kedudukan Sekolah Hamil serta program 'Baby Hatch'

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan enam (6) buah Pusat Perlindungan bagi menempatkan remaja hamil. Sementara bagi wanita yang didera, JKM menyediakan 18 buah Tempat Selamat yang terletak di setiap negeri termasuk sebuah Tempat Selamat di bawah kelolaan kerajaan negeri dan sebuah di bawah pentadbiran NGO bagi memberi perlindungan kepada mereka.

I

KPWKM menyediakan kurikulum pendidikan di institusi berkenaan seperti berikut:

- i) **Pemulihan Psikologikal** melatih ke arah perubahan fikiran dan diri yang mantap
melalui intervensi pekerja kes supaya pelatih dapat membina keyakinan dan pembentukan akhlak yang baik;
- ii) **Pemulihan Kerohanian dan Moral** bertujuan supaya pelatih dapat mengenal
dan percaya kepada diri sendiri; dan
- iii) **Pemulihan Aspek-Aspek Kekeluargaan dan Kemasyarakatan**

melalui

kaunseling keluarga, individu dan keluarga kelompok bagi menggalakkan perhubungan pelatih dengan keluarga.

KPWKM telah bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-anak Yatim Kuala Lumpur atau '*OrphanCare*' untuk menyediakan Pusat Jagaan Bayi Yang Tidak Diingini atau, dengan izin '*Baby Hatch*'. Penubuhan pusat ini adalah untuk memberi perlindungan kepada bayi yang dibuang atau tidak diingini sebelum diserahkan kepada keluarga angkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama yang dijalinkan ini meliputi aspek perlindungan sementara, penempatan di dalam program penjagaan dan pengangkatan termasuk pengurusan data serta aspek promosi ke atas program penjagaan dan pengangkatan. Sehingga kini seramai tiga belas (13) orang bayi telah ditempatkan di pusat ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 6 DISEMBER 2010

JAWAPAN:

SOALAN:

DATO* HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semakan semula bahagian-bahagian pilihan raya serta cadangan tambahan bahagian pilihan raya parlimen terutama di negeri-negeri yang tidak ada tambahan kerusi dalam beberapa semakan terdahulu.
Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan terakhir persempadanan semula bahagian - bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Ini berdasarkan kepada peruntukan Perkara 113(10) Perlembagaan Persekutuan iaitu pada tarikh laporan dikemukakan kepada Perdana Menteri. Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh mengulangkaji sempadan bahagian bahagian pilihan raya selepas 8 tahun dari tarikh selesainya proses persempadanan sebelum ini. Berdasarkan kepada peruntukan

tersebut, SPR boleh menjalankan semula urusan persempadanan yang baru selepas 21 Mac 2011.

Bagi negeri Sarawak, urusan persempadanan bahagian pilihan raya negeri yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005 dan mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan persempadanan semula bagi negeri Sarawak hanya boleh dilakukan selepas 10 Jun 2013 akan datang.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya tersebut, SPR akan melihat keseluruhan persempadanan di seluruh Negara termasuklah di negeri-negeri yang tiada perubahan bahagian-bahagian pilihan raya dalam urusan persempadanan sebelum ini. Perkara yang diambilkira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya adalah berdasarkan kepada penetapan dan prinsip yang diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Bahagian I dan II, Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Sekian. Terima kasih.

NO.AUM : 32

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA	PE RT AN YA AN	LISAN
TARIKH		
RUJUKAN		TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]
		6 DISEMBER 2010
		3237

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status siasatan kes Namwee dan kenapa tiada tangkapan, siasatan dan dakwaan terhadap Pengetua Sekolah di Kulai, Johor yang mengeluarkan kata-kata yang merendahkan kaum India dan Cina serta bilangan repot

polis yang telah pun dibuat berkenaannya.

NO. AUM : 35

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Bagi kes pertama, pihak polis telah mengambil keterangan Namewee dan kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 4 (1) Akta Hasutan. Penyiasatan telah selesai dan kertas siasatan telah dirujuk kepada Peguam Negara. Peguam Negara telah memutuskan supaya tidak membawa sebarang pendakwaan ke atas Namewee.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kes kedua, pihak polis telah menjalankan siasatan lengkap terhadap Pengetua Sekolah di Kulai, Johor dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Peguam Negara dan masih

menunggu arahan lanjut.

NO. AUM : 35

NO. AUP : *21*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]
TARIKH 6 DISEMBER 2010
RUJUKAN 3141

SOALAN:

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu suruhanjaya bagi menyiasat kenyataan yang dikeluarkan oleh Tan Sri Musa Hassan yang menyatakan pihak Kementerian Dalam Negeri mencampuri urusan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) semasa beliau menjadi Ketua Polis Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya jelaskan di dewan yang mulia ini, mengikut seksyen 4 Akta Polis 1967, Ketua Polis Negara adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pasukan polis. Sehubungan dengan ini juga, mengikut *Ministers of the Federal Government Order* dengan izin, Menteri Dalam Negeri ialah menteri yang bertanggungjawab mengenai polis.

**Selain itu, Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, Pengerusi Suruhanjaya Pasukan Polis adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas polis; di mana fungsi-fungsi Suruhanjaya ialah untuk menguruskan pelantikan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib ke atas semua pegawai dan anggota polis termasuklah Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai kanan polis.
Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman dewan yang mulia ini, mantan Ketua Polis Negara telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada 12 September 2006

dan dilanjutkan perkhidmatan secara kontrak sebanyak dua (2) kali untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 13 September 2007 dan tempoh kontrak beliau berakhir pada 12 September 2010. Sebelum berakhirnya tempoh kontrak beliau, Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan kepada beliau bahawa kontrak beliau tidak akan dilanjutkan. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa beliau tidak dimaklumkan terlebih dahulu mengenai status perkhidmatan kontraknya adalah tidak benar.

Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan siasatan terhadap dakwaan ini dan mengambil apa-apa tindakan ke atas beliau. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ketua Polis Negara di atas sumbangan dan khidmat cemerlang beliau kepada Negara.

Tuan Yang Dipertua

Dakwaan mantan Ketua Polis Negara seperti yang dinyatakan iaitu terdapat campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis adalah tidak berasas. Pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan PDRM dalam memastikan keselamatan Negara dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Selain itu aspek kebajikan anggota-anggota polis dan penambahbaikan prasarana turut diberi keutamaan oleh pihak kementerian.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, adalah menjadi tanggungjawab saya

untuk memastikan bahwa kementerian dan PDRM sentiasa bekerjasama untuk menjalankan tugas dengan cekap, bertanggungjawab dan profesional.

SJ.B/(93)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN
ENDUT (KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **06.12.2010**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Wang Ehsan / Dana Khas dari wang Royalti Petroleum Terengganu yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri selain dari Terengganu, Sabah dan Sarawak dari tahun 2000 hingga September 2010 seperti mana yang pernah dilaporkan dalam kajian khas Laporan Ketua Audit Negara sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang digunakan untuk negeri-negeri lain selain Terengganu, Sabah dan Sarawak dari tahun 2000 hingga September 2010 adalah sebanyak RM1,646,254,000.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM874,910,000 telah disalurkan kepada pelbagai

negeri untuk program-program kebajikan, pendidikan, sosial dan infrastruktur manakala sebanyak RM771,344,000 disalurkan kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk melaksanakan Program Rumah Mesra Rakyat di pelbagai negeri.

NO SOALAN : 39

PEMBERITAHU
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN
GOBALAKRISHNAN (ARAU A/L
NAGAPAN)

TARIKH

(ISNIN)

06.12.2010

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah jenis kepakaran yang dimiliki oleh Syarikat Boustead dalam melakukan penyienggaraan ke atas dua kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sehingga tahun 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BN

Shipyard) adalah sebuah syarikat kejuruteraan dan pembinaan yang berteraskan kepada pembinaan, pembaikan dan penyienggaraan aset maritim serta pembangunan teknologi ketenteraan khususnya dalam aspek sistem persenjataan dan elektronik perkapalan terutamanya bagi peralatan-peralatan dan sistem yang digunakan oleh kapal-kapal perang milik TLDM.

BN Shipyard mempunyai pengalaman dan kemahiran yang luas dalam bidang pembaikan kapal perang serta mengamalkan pendekatan dan budaya senggaraan dan pembaikan *naval (naval maintenance and repair culture)* sejak ditubuhkan. BN Shipyard telah

NO SOALAN : 39

melaksanakan kerja- kerja memperbaiki dan menyelenggara kapal-kapal
TLDM sejak 25 tahun

lalu dan kini mempunyai pelbagai pengalaman dan kepakaran dalam bidang tersebut.

Selain mempunyai infrastruktur, kemudahan dan peralatan yang dapat menyokong senggaraan dan pembaikan kapal selam, BN Shipyard juga mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Dengan pelbagai pengalaman yang telah diperolehi dalam kerja-kerja penyelenggaraan kapal-kapal TLDM, tenaga kerja BN Shipyard didapati lebih mudah untuk disesuaikan dengan penyelenggaraan platform dan sistem peperangan kapal selam.

Dengan perolehan 2 buah kapal selam jenis *SCORPENE* oleh Kerajaan, BN Shipyard telah mengambil inisiatif bagi memenuhi keperluan TLDM, khususnya berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelenggaraan kapal selam. BN Shipyard telah mengenalpasti dan menghantar 11 tenaga kerja yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang bagi mengikuti latihan penyelenggaraan kapal selam bersama-sama syarikat DCNS di Perancis dengan pembiayaan sendiri pada tahun 2008 dan 2009. Selain itu, terdapat seramai 22 tenaga pakar turut diberikan latihan secara khusus dalam bidang penyelenggaraan kapal selam. Sehubungan itu, BN Shipyard telah menyediakan tenaga pakar dan terlatih untuk melaksanakan kerja-kerja senggaraan kapal selam sebelum kedua-dua buah kapal selam ini tiba di Malaysia.

Pemberian kontrak senggaraan kapal selam kepada syarikat BN Shipyard adalah di antara usaha Kerajaan untuk memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk terlibat dalam industri pertahanan berteknologi tinggi serta secara tidak langsung meningkatkan kemampuan syarikat industri pertahanan negara.

Soalan No : 40

PEMBERtAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISA**
DARIPADA **N**
TARIKH **06.12.2010**
Y.B. DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN
(BUKIT GANTANG)

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG
] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status kedudukan kes melibatkan terkorbannya 3 pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) di Kampar dalam tragedi jambatan roboh dahulu. Apakah tindakan Kementerian bagi mengenai pasti mereka yang bertanggungjawab.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan perkara ini telah difailkan di Mahkamah, adalah lebih wajar perkara yang melibatkan kecuaiian mana-mana pihak yang terlibat diputuskan oleh Mahkamah setelah semua keterangan yang ada dibentangkan dan dibicarakan. Apa-apa perkara berkenaan kecuaiian mana-mana pihak tidak wajar dibincangkan buat masa ini kerana ia tertakluk kepada perbicaraan Mahkamah dan boleh menyebabkan *subjudice* terhadap kes.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil ikhtibar atas kejadian tersebut dan akan memastikan setiap jambatan atau bangunan yang dibina di masa hadapan akan mematuhi piawaian atau standard yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan keselamatan semua pihak khususnya murid sekolah terjamin.

Rjm 107

